

UMS terus unggul kali kedua, wakil M'sia ke Mexico

UB 18.7.13 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mempamerkan pencapaian cemerlang apabila berjaya mempertahankan kejuaraan dengan mengungguli Kejohanan Enactus Malaysia National Exposition (EMNE 2013) peringkat kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pasukan Enactus Universiti Eko Kampus itu telah mengetepikan pasukan Enactus Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di peringkat akhir sekaligus berjaya mempertahankan kejuaraan mereka selama dua tahun berturut-turut.

Kejayaan itu juga turut memberi laluan untuk UMS sekali lagi mewakili Malaysia ke pertandingan Piala Dunia Enactus yang bakal berlangsung di Cancun, Mexico pada 29 September hingga 1 Oktober ini.

Menurut salah seorang peserta pasukan itu, Celine Alexandra berkata, projek-projek komuniti yang dibentangkan oleh pasukan Enactus UMS nyata menarik perhatian dan berjaya memikat hati para juri.

Beliau yang juga pengarah bagi Projek Payao berkata, projek tersebut telah membuka ramai pihak kerana membabitkan usaha membantukomuniti di Pulau Mabul dalam meningkatkan hasil tangkapan ikan untuk menambah penjaan pendapatan.

Satu lagi projek yang turut dibentangkan adalah Projek Unfold yang bertujuan membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta golongan miskin dan tidak berkemampuan.

Pengarah projek itu, Aarston Friend Dickson turut melahirkan rasa kesyukuran kerana projek berkenaan telah diterima baik oleh para juri dan juga ahli Enactus Malaysia.

"Kami ingin berterima kasih kepada Enactus Malaysia kerana melalui penganjuran Pertandingan EMNE, kami mampu untuk berkongsi pengalaman dan juga perjalanan kami untuk membantu golongan kurang berupaya di Sabah," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Pembangunan

Keusahawanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), Mat Salleh Hj. Ayub turut merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. Mohd Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor HEP, Prof. Madya Datuk. Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur atas sokongan yang diberikan kepada Pasukan Enactus UMS sehingga mencapai kejayaan yang membanggakan itu.

"Tidak dilupakan juga, rasa kesyukuran dan terimakasih juga ditujukan kepada Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr. Ismail Ali, Alumni dan semua pihak yang terlibat dalam membantukejayaan pasukan Enactus UMS menjuarai pertandingan tahun ini," katanya.

Pertandingan tersebut yang sebelum ini dikenali sebagai Pertandingan *Students in Free Enterprise* (SIFE) telah disertai sebanyak 28 pasukan yang mewakili institusi pengajian tinggi awam dan swasta masing-masing.

Acara tahunan anjuran Yayasan Enactus Malaysia itu antara lain bertujuan sebagai usaha mengetengahkan kreativiti dan inovasi projek-projek bersifat komuniti oleh pelajar universiti di negara ini. Seramai 12 pelajar telah mengambil bahagian dalam memastikan kejuaraan terus menjadi milik Pasukan UMS.



PASUKAN Enactus UMS bergambar bersama Piala Kejuaraan dan replika cek hadiah wang bernilai RM100,000.